

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF
[JEMPOL]**

SOALAN

DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan jangka panjang bagi mencipta lebih banyak peluang pekerjaan kepada warganegara pasca pandemik COVID-19, khususnya untuk anak muda yang bergraduasi pada setiap tahun agar kadar pengangguran dapat dikawal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi mencipta lebih banyak peluang pekerjaan kepada warganegara, beberapa inisiatif sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Antaranya adalah:

- (i) meningkatkan pelaburan nilai tinggi melalui *foreign direct investment* (FDI) dan *domestic direct investment* (DDI) bagi meningkatkan penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value jobs* dan *knowledge worker* (k-worker) agar kadar upah yang tinggi dapat dinikmati oleh golongan ini;
- (ii) melaksanakan latihan-latihan kemahiran yang bersifat *internship* seperti latihan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar;

- (iii) menyediakan insentif-insentif untuk syarikat bagi memperbanyakkan elemen-elemen berteknologi tinggi yang dijangka akan meningkatkan jumlah peluang pekerjaan berkemahiran tinggi; dan
- (iv) mengadakan sesi libat urus bersama industri bagi membincangkan isu sekaligus mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

2. Bagi menyokong usaha-usaha di atas, Kerajaan harus menyediakan pekerja-pekerja berkemahiran yang memenuhi keperluan industri. Sehubungan itu, beberapa langkah sedang diambil oleh Kementerian, antaranya:

- (i) program *upskilling* dan *reskilling* disediakan kepada golongan pekerja bagi mempertingkatkan kemahiran mereka bagi menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik. Program *upskilling* dan *reskilling* dijalankan secara berterusan supaya kemahiran yang diperolehi sentiasa bersesuaian dengan keperluan industri semasa;
- (ii) Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), telah membangunkan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) bagi 21 sektor ekonomi yang mana telah menjadi rujukan dalam pembangunan program latihan di institusi-institusi latihan awam dan swasta mengikut tahap kemahiran yang diperlukan. NOSS yang dibangunkan dan dipantau secara bersama dengan *Industry Lead Body* (ILB) adalah mengikut keperluan industri dan teknologi terkini;
- (iii) memperluaskan akses kepada warganegara untuk mendapat Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Sehingga kini, terdapat lima ratus enam puluh dua (562) buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang telah ditubuhkan di seluruh negara dengan pelbagai kursus kemahiran ditawarkan mengikut keperluan industri; dan

- (iv) KSM dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diberikan peranan sebagai Pengerusi bersama bagi menerajui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kemahiran dan Bakat (TWG-S) Industry4WRD. Jawatankuasa ini berperanan mengenal pasti keperluan pasaran buruh dan kemahiran yang diperlukan serta menyelaraskan dan melaksanakan usaha-usaha dalam memperkukuhkan kompetensi sumber manusia bagi menghadapi Industri 4.0. Usaha ini dapat dilakukan melalui program *upskilling* dan *reskilling* yang disediakan kepada golongan pelajar kemahiran dan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future jobs*) serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik.

Sekian, terima kasih.